

# Persaraan Dr. Mahathir peristiwa unik sejarah dunia

UM - 4 OCT 2003

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hujung bulan ini merupakan sesuatu yang unik kepada dunia Islam dan jarang sekali berlaku di negara-negara dunia ketiga, kata bekas menteri kabinet Pakistan.

Mushahid Hussain yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Penerangan di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif, berkata sejak berkurun lamanya, dunia Islam tidak berupaya menyelesaikan isu-isu dasar dalam politik — peralihan — di mana sejarah Islam penuh dengan suasana pergelutan merebut kuasa.

“Dr. Mahathir sudah bersedia melaksanakan komitmennya untuk meninggalkan kedudukan secara sukarela, secara terhormat dan aman,” katanya dalam satu artikel yang disiarkan oleh sebuah media Dubai, *Gulf News*.

Hussain yang merupakan anggota Dewan Tertinggi Pakistan — Senat, berkata dalam Dunia Ketiga, meninggalkan kedudukan secara sukarela, jarang-jarang sekali berlaku dan hanya dua pemimpin pernah berbuat demikian dalam sejarah baru-baru ini, iaitu Nelson Mandela dari Afrika Selatan dan Jiang Zemin dari China.

■ Lihat muka 4

## Persaraan Dr. Mahathir peristiwa unik sejarah dunia

“Apabila Mahathir bersara, beliau akan menikmati kepuasan dalam meninggalkan warisan kestabilan, kesejahteraan dan demokrasi kepada negaranya. Pada usia 78, beliau masih memiliki personaliti menarik, berkarisma, bertenaga dan berstamina dengan pendekatan secara terus kepada pembangunan, polisi di dalam serta luar negara,” katanya.

Hussain yang melawat Malaysia baru-baru ini dan menemui beberapa pemimpin Kerajaan Pusat dan negeri, para intelektual serta pembuat dasar, meminta umat Islam seluruh dunia, yang menurutnya kebanyakan tidak semangat pada masa ini dan sentiasa dalam kegelapan mencari-cari penyelesaian segera terhadap pelbagai masalah yang berlarutan, untuk mencontohi kisah kejayaan Malaysia.

“Mengapa Malaysia telah berjaya semasa yang lainnya gagal? Bagaimana sebuah negara yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, berjaya disatukan dalam sebuah negara, dengan dipupuk budaya politik toleran? Lagipun, Malaysia terpaksa berhadapan dengan insurgensi komunis semasa tahun-tahun awal penubuhannya,” katanya.

Hussain mengenal pasti lima sebab kejayaan Malaysia, dengan sebab utama adalah kerana Malaysia memiliki pemimpin yang mempunyai wawasan untuk menggaris dan melaksanakan dasar-dasar, terutama dalam menjadikan pendidikan sebagai agenda keutamaan nombor satu negara.

Beliau berkata, semasa negara-negara Islam bersedia untuk berhimpun di Malaysia tidak lama lagi bagi menyertai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), mereka seharusnya belajar dari “Model Malaysia” yang cukup berpotensi untuk menyediakan jalan keluar daripada keadaan suasana yang tidak menyenangkan yang melanda masyarakat Islam kini. — Bernama